

# Perjanjian bekalan air ke Singapura belum lagi selesai — PM

UM 12 MAR 1990

IPOH 11 Mac — Kerajaan Pusat belum lagi menyelesaikan perjanjian bekalan air ke Singapura kerana kedua-dua pihak - Johor dan Singapura belum menyelesaikan jumlah ganti rugi yang akan dibayar, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan Johor telah meminta lebih banyak bayaran daripada apa yang kerajaan Singapura sanggup membayarnya.

Katanya, Kerajaan Pusat tidak membantah terhadap langkah Kerajaan Johor untuk membekalkan air kepada Singapura.

Bercakap kepada para pemberita sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur beliau berpendapat, adalah lebih baik membiarkan kedua-dua pihak menjalankan perbincangan selanjutnya.

"Ini bukan satu penukaran perdagangan kerana kita harus mengenakan bayaran yang maksimum untuk membekalkan air kepada Singapura, tetapi sekiranya kita dapat lebih bayaran buat apa kita membekalkan air sekiranya kita dapat lebih murah?" Tanya beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir memberitahu demikian ketika diminta mengulas mengapa

Kerajaan Pusat tidak menyelesaikan perjanjian memorandum persefahaman mengenai bekalan air yang ditandatangani oleh Malaysia dan Singapura pada bulan Jun 1988.

Di bawah memorandum tersebut, Singapura akan membina empangan, kolam air dan kilang untuk membersihkan air, berharga \$200 juta.

Johor telah bersetuju untuk menjual lebih bekalan air ke Singapura sebanyak 1.4 bilion liter sehari di bawah perjanjian yang telah dibuat pada tahun 1961.

Perjanjian tersebut juga memberi Johor hak untuk meletakkan harga baru bagi air bersih.

Singapura sekarang membeli 546 juta liter air yang belum dibersihkan daripada Johor setiap hari.

Menyentuh bekalan air yang dibekalkan oleh Bantam, Indonesia, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan Johor mesti mengkaji berkenaan dengan perniagaan tersebut.

Katanya, ini tertakluk kepada Kerajaan Johor untuk membuat keputusan dan beliau hanya bersetuju.

Pada keseluruhannya, kata Perdana Menteri, Malaysia dan Singapura masih menik-

mati hubungan dua hala yang baik walaupun terdapat beberapa masalah yang berbangkit dari masa ke semasa.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata demikian ketika menjawab soalan memberitahu yang meminta beliau mengulas mengenai hubungan dua hala antara Malaysia dengan republik itu berikutan beberapa perkembangan terbaru termasuk tuduhan tentang kegiatan mengintip oleh negara itu ke atas Malaysia.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Dato' Sabaruddin Chik juga baru-baru ini menyoal mengenai peraturan separuh tangki ke atas kemerdekaan dari republik itu yang memasuki Johor Baharu melalui Tambak Johor, menteri itu juga berkata bahawa Singapura juga berkempen untuk sabotaj Tahun Melawat Malaysia 1990.

Apabila ditanya sama ada lawatan sehari Timbalan Perdana Menteri Singapura, Encik Goh Chok Tong ke Malaysia baru-baru ini telah mengukuhkan hubungan dua hala, beliau berkata: "Ia telah membantu membaiki (hubungan)." Perdana Menteri bagaimanapun tidak mengulas lebih lanjut.